



14 JUN, 2024

Agro Madani sempena Aidiladha

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA anjur karnival jualan di tiga negeri Pantai Timur dengan harga lebih murah

Agro Madani sempena Aidiladha

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KEMAMAN – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan Karnival Agro Madani di tiga lokasi Pantai Timur bagi membantu pengguna setempat membuat persediaan menyambut Hari Raya Aidiladha pada Isnin ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA, Faisal Iswardi Ismail berkata, karnival selama tiga hari bermula semalam itu diadakan di Pasar Tani Kekal (PTK) Chukai di sini, PTK Chini, Pahang dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

Beliau berkata, karnival tersebut di setiap lokasi berkenaan mengumpulkan usahawan FAMA, peserta ladang kontrak, usahawan asas tani dan pengusaha makanan popular seluruh negara.

"Pengguna boleh mendapatkan barangan keperluan dan produk asas tani pada harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada pasaran.

"Kita menasarkankan Karnival Agro Madani di tiga negeri Pantai Timur ini mampu menjana



FAISAL (kanan) melawat gerai pengusaha sata selepas merasmikan program Karnival Agro Madani peringkat Terengganu di PTK Chukai, Kemaman semalam.

jualan keseluruhan sekurang-kurangnya RM1.2 juta," katanya selepas merasmikan Karnival Agro Madani di Pasar Tani Kekal Chukai di sini semalam. Faisal Iswardi berkata, Kar-

nival Agro Madani peringkat Terengganu menawarkan 4.5 metrik tan ikan yang dijual pada harga lelong seperti siakap (RM5 seekor), kerapu (RM6 seekor), merah (RM10 seekor) dan sotong (RM15 seekor).

Tambah beliau, pengguna juga boleh mendapatkan ayam segar pada harga RM15 seekor dan daging lembu (RM29 seekor).

"Karnival Agro Madani peringkat Pantai Timur ini kesinambungan daripada penganjuran sulung yang telah diadakan di PTK Seberang Jaya, Pulau Pinang pada 30 Mei hingga 2 Jun lalu.

"Selepas ini, program ini akan menjelajah lagi dua lokasi iaitu PTK Datin Halimah, Johor Bahru dan PTK Changlun, Kedah secara berperingkat sehingga 27 Julai depan," katanya.

Faisal Iswardi berkata, FAMA menasarkankan penganjuran Karnival Agro Madani di enam lokasi seluruh negara berkenaan mampu menjana nilai jualan keseluruhan RM2 juta.

Tambah beliau, pelbagai makanan basah, kering dan makanan lain dijual di karnival ini dan orang ramai jangan ketinggalan.



14 JUN, 2024

Agro Madani sempena Aidiladha

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

FAMA anjur karnival jualan di tiga negeri Pantai Timur dengan harga lebih murah

KEMAMAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan Karnival Agro Madani di tiga lokasi Pantai Timur bagi membantu pengguna setempat membuat persediaan menyambut Hari Raya Aidiladha pada Isnin ini.